

Caj parkir naik menjelang perayaan


Di sebalik keterujaan menyambut ketibaan Aidilfitri tidak lama lagi, orang ramai mengakui terpaksa mengeluarkan kos agak tinggi hanya untuk membayar caj tempat meletak kenderaan di ibu negara.

Kegembiraan untuk membeli-belah kelengkapan raya tidak seindah disangka kerana caj parkir kereta persendirian yang naik mendadak.

Apa Khabar Rakyat kali ini melaporkan berkenaan caj tempat meletak kenderaan di sekitar Lembah Klang khususnya di ibu negara yang disifatkan sebagai 'mencekik darah'.

Malah keadaan di tempat meletak kenderaan seperti rupa tidak seindah khabar apabila jalannya berlubang teruk, air bertakung dan kurang selamat tidak setanding dengan caj dikenakan.

Wartawan *Sinar Harian* Selangor dan Kuala Lumpur, MOHD AZLIM ZAINURY cuba menyelami masalah tersebut melalui tinjauan di pusat tempat meletak kereta utama di sekitar ibu negara.



Caj tempat meletak kenderaan persendirian di sekitar Lembah Klang khususnya di ibu negara didakwa meningkat ketika musim perayaan.

KETIKA hampir tibanya musim perayaan, orang ramai akan berpusu-pusu untuk keluar bagi membeli kelengkapan sewajarnya di pusat beli-belah atau di bazar Aidilfitri yang dibuka di ibu negara.

Mereka kebiasaannya akan membawa kenderaan sendiri bagi memudahkan untuk membawa pulang barangan yang dibeli untuk sambutan perayaan nanti.

Namun apa yang menjadi kekusaran kepada orang ramai ketika ini ialah caj tempat letak kenderaan milik persendirian di ibu negara yang meningkat secara mendadak berbanding hari biasa.

Lebih menyedihkan kadar dikenakan ini berubah ketika musim perayaan dan bukan hanya menjelang sambutan Aidilfitri tetapi juga perayaan besar lain seolah-olah menjadi satu kebiasaan.

Kadar caj seminggu lalu hanya sekitar RM8 hingga RM10 untuk sekali masuk

namun naik mendadak sehingga RM15 ke RM20 ketika ini.

Namun disebabkan ruang tempat meletakkan kenderaan di ibu negara adalah amat terhad, pengguna terpaksa akur dengan kenaikan caj dikenakan pemilik premis berkenaan.

Pekerja swasta, Hamidi Husin, 51, berkata, kadar harga caj tempat meletakkan kenderaan antara RM15 hingga RM20 adalah terlalu tinggi untuk tempoh yang singkat.

"Memang wajar pihak berkuasa tempatan (PBT) memainkan peranan dan campur tangan dalam penetapan kadar berpatutan kepada orang ramai khususnya ketika musim perayaan," katanya yang menetap di Kampung Baru.

Seorang lagi pekerja swasta, Shazril Syamsul, 30, berkata, dengan kemudahan parkir tiada bumbung dan keadaan



HAMIDI



SHAZRIL



FADZILLA NOR

Bapa seorang anak itu menambah, PBT wajar menyelaraskan kadar parkir pada kadar sama di ibu negara yang tidak melebihi kadar tertentu sehingga membebaskan orang ramai.

Sementara itu, Fadzilla Nor Abdul Halim, 40, berkata, pe-

milik kenderaan biasanya tidak mengambil masa lama untuk membeli-belah maka kadar caj patut dikenakan berdasarkan jam.

"Bukan lama sangat kalau sekali masuk caj RM10 mungkin wajar dan saya menyokong jika PBT memberi perhatian terhadap isu kenaikan kadar parkir ketika musim perayaan ini," tegasnya.

Jalan yang tidak rata, kadar caj dikenakan boleh dianggap agak keterlaluan.

"Jadi bagi saya memang tidak wajar setiap kali ada perayaan kadar harga parkir meningkat dan turun semula pada hari biasa.

"Ini tidak sepatutnya berlaku dan sesuatu perlu dilakukan bagi mengelakkan perkara ini terus berleluasa," jelasnya.